

**Hutang Negara Masih Terkawal, Kata Tun Daim Zainuddin
Bernama
5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kadar hutang negara masih pada paras yang boleh diurus dan Malaysia tidak akan muflis menjelang 2020 seperti yang didakwa sesetengah pihak, kata bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Di samping itu, segala pinjaman yang dibuat oleh kerajaan adalah bersumberkan daripada pinjaman domestik, kata Daim, yang juga merupakan penasihat ekonomi kerajaan Malaysia pada tahun 1990-an.

"Satu perkara penting mengenai hutang negara adalah kebanyakannya ia diperolehi daripada pinjaman domestik.

"Jenis pinjaman ini lebih stabil dan tidak mendedahkan Malaysia kepada aliran keluar modal besar secara tiba-tiba," kata beliau dalam wawancara bersama Mingguan Malaysia yang disiarkan semalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650057>